



KENYATAAN BERSAMA • 3 MAC 2023

Belanjawan 2024 Mesti Lebih Strategik untuk Kesihatan Malaysia

Gabungan Kesihatan Malaysia (MHC) mengalu-alukan peruntukan lebih tinggi kepada Kementerian Kesihatan (KKM) dan pengenalan Akta Perolehan Kerajaan dalam Belanjawan 2023 yang diumumkan oleh Perdana Menteri Anwar Ibrahim pada 24 Februari. Kami menggesa pelaksanaan mantap semua projek KKM dan tadbir-urus rapi dalam semua perbelanjaan kerajaan.

MHC seterusnya mengesyorkan tiga strategi untuk Belanjawan 2024 dan seterusnya:

1. Memberi Tumpuan pada Pencegahan Penyakit

Walaupun Belanjawan 2023 meningkatkan pelepasan cukai untuk perbelanjaan perubatan, masih terdapat tumpuan pada perbelanjaan *penjagaan* kesihatan (bukannya perbelanjaan *pencegahan*). Sebagai contoh, perbelanjaan penjagaan perubatan seperti untuk "penyakit serius" mempunyai had pelepasan cukai pendapatan RM8000, tetapi perkhidmatan pencegahan seperti "vaksinasi" dihadkan pada RM1000 sahaja. Belanjawan 2024 harus meningkatkan had pelepasan cukai untuk perkhidmatan pencegahan secara beransur-ansur, mungkin dengan kenaikan berjadual seperti "had pelepasan cukai ditingkatkan sebanyak RM1000 setahun setiap tahun antara 2024-2029". Sektor kesihatan awam harus menerima kenaikan berjadual yang sama; kami kecewa bahawa sektor kawalan penyakit dan pendidikan kesihatan menerima peruntukan yang kurang untuk 2023 berbanding 2022.

2. Memperuntukkan Dana untuk Reformasi Sistem Kesihatan

Kami faham bahawa peruntukan RM36.3 bilion KKM adalah munasabah, dengan kekangan kewangan, nisbah cukai-kepada-KDNK ("*tax-to-GDP ratio*") yang rendah dan hutang kerajaan yang tinggi. Walau bagaimanapun, kami menyeru reformasi yang mendalam untuk sistem kesihatan kami, yang memerlukan sumber kewangan dan bukan kewangan. Dalam erti kata lain, kita mesti menyediakan dana yang mencukupi untuk strategi yang akan dicadangkan oleh Kertas Putih Kesihatan yang dijadualkan dibentangkan di Parlimen pada Jun 2023. Suruhanjaya Reformasi Kesihatan ("*Health Reform Commission*"), jika diluluskan oleh Parlimen, mesti menerima dana yang mencukupi untuk beroperasi dan berjaya, terutamanya untuk menangani tiga isu yang asasi: pembiayaan kesihatan mampan, modal insan dan organisasi perkhidmatan kesihatan.

3. Menggunakan "*sin taxes*" dengan wajar

Kami memuji pengumuman bahawa 50% cukai eksais daripada produk *vape* akan diperuntukkan kepada KKM. Malaysia menyertai kira-kira 35 buah negara lain yang memperuntukkan "*sin taxes*" daripada tembakau untuk diperuntukkan kepada penjagaan kesihatan. Kami menyokong larangan *vape* dan kami menyokong *Generational End Game*. Kami juga menyeru kerajaan Malaysia untuk menggunakan "*sin taxes*" dengan wajar, dan memberi jawapan kepada soalan seperti "*Adakah dana yang diperuntukkan daripada cukai vape sebahagian daripada peruntukan RM36.3 bilion kepada KKM, atau peruntukan tambahan? Jika cukai eksais tersebut berkurangan pada masa hadapan, bagaimanakah KKM akan meneruskan pembiayaan projek anti-tembakau berbilang tahun?*".

Belanjawan adalah penting dalam sesebuah demokrasi. Kita harus memberi tumpuan kepada struktur dan strategi Belanjawan, bukan hanya menumpukan pada kenaikan atau penurunan tahunan dalam setiap peruntukan untuk setiap Belanjawan. Oleh itu, kami menggesa kerajaan untuk mempertimbangkan tiga strategi di atas untuk Belanjawan 2024 dan seterusnya.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Gabungan Kesihatan Malaysia (Senarai tandatangan penuh di myhealthcoalition.org)

3 MAC 2023

Untuk Pertanyaan: malaysianhealthcoalition@gmail.com

[Website](https://www.myhealthcoalition.org) | [Facebook](https://www.facebook.com/myhealthcoalition) | [Twitter](https://twitter.com/myhealthcoalition)